

KHUTBAH JUMAAT

“MUHASABAH DIRI, MENGINSAFI DIRI”
(30 Disember 2022M / 06 Jamadilakhir 1444H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا، وَقَضَىٰ بِمَا يُرِيدُ حِكْمَةً
وَحُكْمًا، أَنْعَمَ بِالنِّعَمِ ابْتِلَاءً وَامْتِحَانًا. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ أَفْضَلُ الْأَنْبِيَاءِ وَمِصْبَاحُ الظُّلُمِ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ حَيْثُ مَا كُنْتُمْ، فَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ
سِرُّكُمْ وَعَلَانِيَتَكُمْ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama bertaqwa kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan sebenar-benar takwa serta melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keberkatan hidup di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk:
"Muhasabah Diri Menginsafi Diri".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kini, kita berada di penghujung tahun 2022 Masihi. Pelbagai pengalaman pahit dan manis telah kita tempuhi sepanjang tahun ini. Marilah kita bermuhasabah, iaitu merenung kembali akan kelemahan dan kekurangan yang telah kita lakukan sepanjang

tahun ini, dan menginsafinya. Pada masa yang sama, kita syukuri segala kejayaan yang telah kita kecapai dan berusaha untuk melakukan yang lebih baik pada Tahun Baharu yang bakal tiba. Dengan yang demikian, dapatlah kehadiran Tahun Baharu ini membawa pengertian bermakna dan mencetuskan rasa ingin berubah, dari satu keadaan yang lemah dan berkurangan kepada satu keadaan yang baru dan lebih kuat. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah adz-Dzaariyat ayat 50:

فَفِرُّوْا إِلَى اللَّهِ ^ص إِنِّي لَكُم مِّنْهُ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٥٠﴾

Maksudnya: *(Katakanlah wahai Muhammad kepada mereka): "Maka segeralah kamu kembali kepada Allah (dengan bertaubat dan taat), sesungguhnya aku diutuskan Allah kepada kamu, sebagai pemberi amaran yang nyata."*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Muhasabah diri atau menilai diri adalah amalan para nabi dan rasul *alaihimussalam*, dan orang yang soleh. Muhasabah bolehlah difahami sebagai perilaku menilai dan memperelokkan diri dengan membentuk dalam jiwa seseorang manusia itu supaya lebih menepati ajaran dan kefardhuan agama. Ia juga boleh dimaksudkan sebagai mendidik diri, agar sentiasa menginsafi apa sahaja kejahatan yang pernah dilakukan, tidak berulang dan menjadi penghalang untuk mendapat keredhaan Allah *subhanahu wata'ala*. Imam Ibnu Qudamah al-Maqdisi *rahimahullah* menjelaskan bahawa :

“Pengertian muhasabah ialah melihat keadaan modal, keadaan keuntungan dan kerugian, agar dapat mengenalpasti sebarang penambahan dan pengurangan. Modalnya dalam konteks agama ialah perkara yang difardhukan, keuntungan ialah perkara sunat dan kerugiannya pula ialah maksiat.”

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sendiri pernah memuji sikap muhasabah di dalam hadis Baginda *sallallahu alaihi wasallam* yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmizi *rahimahullah* daripada Syadad bin Aus *radiallahu anhu* iaitu:

« الْكَيِّسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ، وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ، وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتْبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا ثُمَّ تَمَنَّى عَلَى اللَّهِ »

Maksudnya: *Orang yang pintar ialah orang yang menghitung dirinya dan beramal untuk hari selepas kematian, manakala orang yang lemah ialah orang yang mengikut hawa nafsunya serta berangan-angan terhadap Allah dengan angan-angan (yang banyak).”*

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)

Individu yang bermuhasabah tentang dirinya tidak akan ada ruang dan masa untuk melakukan perkara-perkara yang batil dan mungkar. Menyibukkan diri dengan ketaatan akan menghapuskan masa untuk membuat kejahatan. Mereka akan merasa amat kesal di atas setiap kesalahan dan kekurangan yang dilakukannya

terhadap Allah *subhanahu wata'ala*, kerana takutnya diri ini kepada kekuasaan-Nya, maka mereka akan bertaubat. Jika inilah keadaannya, maka tidak mungkin boleh dapat jalan dan ruang untuk membuat kesalahan dan kebatilan. Memetik kata-kata seorang ulama' iaitu as-Sayyid Ahmad ar-Rifaie rahimahullah yang pernah menyatakan di dalam kitabnya *Burhan al-Muayyad* bahawa:

“Daripada perasaan takut akan timbulnya muhasabah. Daripada muhasabah timbulnya muraqabah (mendekatkan diri kepada Allah). Daripada muraqabah, hati akan sentiasa sibuk bersama Allah subhanahu wata'ala .”

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama menghitung setiap tindakan kita selama ini. Sejauh mana kita telah melaksanakan amanah sebagai hamba Allah *subhanahu wata'ala* dan khalifah-Nya? Apakah kita telah benar-benar melaksanakannya mengikut lunas dan etika Islam? Sejauh manakah tugas kita sebagai manusia benar-benar tercapai?

Rebutlah peluang dan masa yang diberikan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada kita agar dapat dimanfaatkan untuk perkara-perkara yang berfaedah, iaitu secara beramal soleh.

Marilah kita sama-sama menyuburkan semangat Islam dengan mata hati kita. Pemahaman dan jiwa yang luhur terhadap tanggungjawab sebagai insan yang dijadikan oleh Allah *subhanahu wata'ala* mesti kita martabatkan. Teruskanlah berusaha mempertingkatkan kualiti diri untuk mendapat keredaan Allah

subhanahu wata'ala. Dengan bermuhasabah, kita dapat mengelakkan diri daripada melakukan kesalahan yang sama berulang kali. Orang muslim yang hebat adalah mereka yang dapat mempertingkatkan kualiti diri mereka dari masa ke masa. Ingatlah pesanan Sayyidina Umar bin al-Khattab *radiallahu anhu* yang bermaksud:

“Hitunglah diri kamu sebelum kamu dihitung, timbanglah amalanmu sendiri sebelum ia ditimbangkan untukmu, dan bersedialah untuk hari pembentangan amal yang besar, sesungguhnya hisab pada hari kiamat menjadi ringan bagi sesiapa yang melakukan muhasabah diri di dunia ini.”

Kaum muslimin yang berbahagia,

Sebagai rumusan bagi khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati beberapa perkara berikut, antaranya :

Pertama : Islam menggalakkan umatnya agar sentiasa melakukan amalan muhasabah diri.

Kedua : Amalan bermuhasabah akan membantu kita untuk mengetahui kesilapan dan kekurangan yang telah dilakukan, menginsafinya dan berazam untuk tidak mengulanginya.

Ketiga : Amalan bermuhasabah diri mampu mendidik kita untuk mensyukuri kejayaan-kejayaan yang telah diperolehi dan berusaha untuk melakukan yang lebih baik pada masa yang akan datang.

Mengakhiri khutbah pada minggu ini marilah sama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah Aali Imran, ayat 110:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ
الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

Maksud: “Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada yang mungkar, serta kamu pula beriman kepada Allah. Dan kalaulah Ahli Kitab itu beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka orang yang fasik.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim tengkujuh ini, mimbar menyeru agar kita sentiasa berwaspada dan mengikuti nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa dari masa ke masa sama ada yang berkaitan dengan kemungkinan banjir mahupun keadaan perairan untuk apa sahaja aktiviti. Pada masa yang sama, kita hendaklah sentiasa melakukan kawalan sendiri dengan sebaik-baiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit. Teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segala wabak dan musibah daripada kita dan dikurniakan keselamatan dan kesejahteraan buat diri, keluarga, masyarakat, negeri dan negara.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
 عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
 مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
 وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
 مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
 الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah

keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan Allah *subhanahu wata'ala*.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ.
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.